

Seminar warisan, identiti amat penting: Mohd Harun

NST 29.10.16 2

OLEH MARRYAN RAZAN (mar-ryan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Seminar mengenai warisan dan identiti amat penting bagi memastikan identiti masyarakat negara ini tidak hilang ditelan zaman.

Naib Canselor UMS Prof.Datuk Dr.Mohd Harun Abdullah berkata atas kesedaran itu Seminar Antarabangsa Warisan dan Foklor Nusantara dengan tema 'Warisan dan Identiti' dianjurkan bagi membincangkan pelbagai isu mengenainya.

"Wadah penyuburan budaya ilmu sebegini sangat signifikan bagi para akademik supaya terus berwacana, berseminar dan berkongsi ilmu mengenai penulisan mereka."

"Usaha ini juga seiring dengan perkembangan pantas dan dramatik di arena akademik antarabangsa yang mana penyelidikan fundamental bersabit disiplin identiti dan warisan budaya menjadi sangat penting."

"Di pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS), ini merupakan satu momentum untuk penerokaan lanjut dalam bidang warisan dan identity," katanya dalam teks ucapan sempena perasmian Seminar Antarabangsa Warisan dan Foklor Nusantara, di Grand Ballroom 1Borneo, di sini, pada malam Khamis.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof. Madya Dr.Ismail Ali.

Seminar dengan tema 'Warisan & Identiti' itu dianjurkan Unit Penyelidikan Warisan Borneo dengan kerjasama Persatuan Foklor Malaysia dan Sekretariat Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia.

Mohd Harun berkata seiring dengan



KENANGAN... Ismail Ali (lima dari kanan) bergambar bersama dekan, pegawai kanan UMS dan para pembentang kertas kerja.

tema 'Warisan dan Identiti', seminar ini merupakan wahana bagi penerokaan tentang bagaimana masyarakat mencipta, memanfaat dan membuat rekonstruksi sejarah dan warisan tanpa meminggirkan peranan identiti.

"Ia juga adalah refleksi tentang bagaimana aspek warisan berupaya menyumbang kepada kualiti kehidupan dan pembangunan mapan," katanya dan menambah sebanyak 105 kertas kerja dibentangkan dalam seminar itu.

Beliau berharap perkongsian dan diskusi ilmu sepanjang seminar itu berupaya menterjemah penemuan kajian kepada penyelesaian masalah yang praktikal dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan manusia.

Katanya lagi para ilmuwan mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membangunkan korpus ilmu berdasarkan kearifan tempatan.

"Keagungan sesuatu bangsa itu ditentukan oleh kepentingan yang di-

berikan kepada sejarah. Sejarah adalah gedung pengalaman. Bangsa yang agung adalah bangsa yang menempuh sejarah dan yang mahu mempelajari dari sejarah. Daripada sejarah kita menghargai kehormatan diri kita," katanya.

Sehubungan itu Mohd Harun berkata, melalui wahana dua hari ini; diskusi dan penulisan tentang sejarah, warisan dan foklor masyarakat perlu mengetengahkan tentang apa yang penting untuk masyarakat tempatan.

"Meskipun mungkin akan ada kepingcangan metodologi, atau pencong ke arah sumber, pendekatan dan paradigma baharu, ia perlu ditulis supaya kita boleh berbincang, mengingati dan belajar dari pada kearifan tempatan tersebut."

"Dengan cara ini, kita berpeluang menyuarakan apa yang tidak disuarkan dalam epistemologi terdahulu, seterusnya mengangkat warisan dan sejarah bangsa yang bolch kita banggakan," katanya.